

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DR. WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Dr. Wan Martina Binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi melindungi dan mencegah golongan yang tidak berkemampuan terutama wanita daripada terjebak dengan kes-kes dadah, bunuh diri, kegiatan tidak bermoral dan meminjam daripada along.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyediakan dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu wanita untuk bangkit dan seterusnya berdikari dalam mendepani cabaran kehidupan. Usaha Kerajaan bagi melindungi dan mencegah golongan yang tidak berkemampuan terutama wanita daripada terjebak dengan kes-kes dadah, kegiatan tidak bermoral dan meminjam daripada along adalah tanggungjawab pelbagai pihak dan merentas kementerian.

Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

1) Program Terapi Keluarga

Program ini untuk memperkasakan keluarga klien yang terlibat dengan masalah dadah dengan menyediakan keluarga klien pengetahuan dan kemahiran dalam membantu kepulihan klien. Ia merupakan program kolaborasi antara LPPKN dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan. Program ini telah dilaksanakan menggunakan kaedah secara fizikal dan dalam talian.

2) Perkhidmatan Kaunseling dan Psikososial

Perkhidmatan kaunseling / tele-kaunseling dan psikososial melalui agensi KPWKM iaitu Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan menyediakan perkhidmatan kaunseling motivasi kepada sesiapa sahaja yang mempunyai cabaran dalam kehidupan. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh kaunselor di daerah dan negeri bagi membantu mereka yang memerlukan.

3) Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)

Ditubuhkan sebagai inisiatif untuk menangani isu keganasan rumah tangga dan masalah sosial. PSSS ini juga berperanan sebagai pusat rujukan khusus di peringkat komuniti kepada semua lapisan masyarakat.

4) **Talian Kasih 15999**

KPWKM telah memperluaskan usaha mempromosikan perkhidmatan aduan atas talian melalui “Talian Kasih 15999” dan aplikasi WhatsApp 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat bagi mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan oleh KPWKM termasuk perkhidmatan psiko-sosial dan berperanan sebagai pusat rujukan, tempat untuk mendapatkan *immediate relief* seperti kaunseling dan perlindungan sementara sebelum mereka dirujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan.

5) **Hebahan dan Program Advokasi Psikopendidikan**

Melaksanakan program kesedaran dan jelajah bagi memberi kesedaran dan advokasi kepada masyarakat sama ada ia dilaksanakan oleh JKM atau kerjasama dengan agensi lain. KPWKM juga melalui Jabatan Pembangunan Wanita giat mengadakan pelbagai program pendidikan sepanjang tahun yang merangkumi program psikopendidikan seperti Klinik Undang-Undang, Wanita Anti Jenayah dan lain-lain.

6) **Skwad WAJA**

Program ini dapat membantu komuniti dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan menangani isu-isu jenayah selain menjadikan komuniti lebih berdaya saing serta mampu menjana pendapatan dengan kemahiran.

7) **Bantuan Sokongan di JKM**

Tabung Bantuan Segera, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Bakul Prihatin.

8) **Program Keusahawanan dan Peluang Pekerjaan**

Bagi membantu wanita yang terjejas pendapatan, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita turut bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk menawarkan program kemahiran khususnya dalam bidang keusahawanan. Selain itu, **Program Bantuan MyKasih Kapital** merupakan inisiatif di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) iaitu bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberi kepada rakyat Malaysia khususnya kepada

SOALAN NO. : 5

golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Nuridah Binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan jangka masa pendek untuk menangani permasalahan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak yang terkesan dengan pandemik COVID-19 yang berlaku pada masa ini. Namun begitu lebih kurang hampir dua tahun melalui fasa pandemik ini masyarakat perlu mengadaptasi dengan cara gaya kehidupan norma baharu.

Kerajaan melalui pelbagai agensi dan pihak yang memberikan kerjasama sentiasa mementingkan keperluan sokongan psikologi kepada masyarakat yang memerlukan. Bantuan sokongan psikologi ini adalah penting untuk membantu masyarakat merasa lebih baik ketika menghadapi cabaran semasa pandemik COVID-19 dan seterusnya mencapai pertumbuhan positif dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan.

KPWKM melalui Lembaga Kaunselor sentiasa menggiatkan usaha kesediaan akses kepada perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan sokongan psikososial bagi mengurangkan kesan psikologi yang di alami oleh masyarakat. Perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial telah dilaksanakan secara berterusan sejak bermulanya pandemik melalui pelbagai cara dan medium. Pelbagai program sokongan psikososial diadakan secara berterusan bagi membantu keluarga menguruskan kehidupan anak-anak bagi memastikan mereka berada dalam tahap kefungsiian yang optimum.

Antara tindakan jangka masa pendek untuk menangani permasalahan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak pasca pandemik COVID-19 adalah khidmat sokongan psikologi dan program sokongan psikososial melalui media massa, media cetak serta media sosial.

KPWKM melalui Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Perkhidmatan Intervensi Krisis Sokongan Psikologi kepada kumpulan sasar jabatan termasuk kanak-kanak yang

SOALAN NO. : 37

memerlukan di mana memfokuskan kepada intervensi krisis dengan menggunakan pendekatan Psikologi dan Kaunseling secara holistik. Ianya juga meliputi kanak-kanak di peringkat komuniti dan Institusi Kanak-kanak.

Intervensi Krisis dapat membantu klien mengurangkan kesan trauma yang dialami disamping membantu klien mengenalpasti alternatif yang bersesuaian dan membuat perancangan pengurusan diri dan keluarga. Manakala dari segi Sokongan Psikologi dan Moral, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling dengan menempatkan seorang Pegawai Psikologi/Kaunselor di setiap daerah di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Selain itu juga, tindakan jangka masa pendek untuk menangani permasalahan kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak meliputi:

- Intervensi Psikologi dan Kaunseling seperti Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, bimbingan, ujian psikologi dan psikoterapi.
- Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi termasuk Pengurusan Tekanan dan Trauma, *Debriefing Psychology*, *Grief Psychology* dan *Psychological First Aid (PFA)*.
- Psikopendidikan
- Program Psiko-Spiritual
- Art Therapy

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan justifikasi pelan pemulihan bagi segmen wanita sebagai ketua keluarga yang terkesan kerana pandemik COVID-19 sejak tahun 2019 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat prihatin dan komited untuk menjaga kebajikan wanita terutamanya wanita B40 termasuklah mereka yang bergelar ibu tunggal, lebih-lebih lagi apabila isi rumah diketuai oleh wanita yang terkesan dari segi sosial dan ekonomi akibat pandemik COVID-19. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Negara 2019, jumlah Ketua Isi Rumah Wanita adalah 1.2 juta orang.

Untuk makluman, soal selidik yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita bermula 29 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021 yang melibatkan 23,634 responden ibu tunggal mendapati bahawa 43 peratus telah hilang pekerjaan manakala 92 peratus mempunyai pendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (RM2,208) kesan daripada pandemik ini.

Bagi membantu golongan ini, Kementerian telah menyediakan program pembangunan kapasiti serta penyediaan ruang dan peluang supaya wanita-wanita ini dapat menjana pendapatan bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Antara program penjana pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

1) Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan program penjana pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWKM dan MEDAC seperti berikut:

- a. TEKUN: Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita;
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais;
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC)

2) Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)

- a. Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita:
7 program telah dilaksanakan, melibatkan 91 majikan dengan 9,015 tawaran pekerjaan. Program ini dilihat mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 3,785 peserta.
- b. PERKESO juga telah melaksanakan pelbagai program perkhidmatan pekerjaan yang telah membantu 171,856 wanita Kembali Bekerja ataupun Bermula Bekerja sejak penularan wabak COVID 19 hingga kini.

3) Program Bantuan MyKasih Kapital:

- a. Satu inisiatif di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
- b. Merupakan bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberi kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga; dan
- c. Sehingga Ogos 2021, seramai 1,424 peserta telah menerima insentif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM712,000.

4) Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT)

Melalui inisiatif PENJANA pada tahun 2020, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM45 juta iaitu bayaran tunai sebanyak RM300 seorang secara one-off kepada 150,000 ibu tunggal.

5) Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA

Selain itu, wanita daripada kategori B40 dan Ibu Tunggal juga berpeluang untuk menjana pendapatan dan menceburi bidang asuhan dan jagaan kerana Institut Sosial Malaysia turut menawarkan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA secara **percuma**. Pada tahun 2020, seramai 180 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut dan program ini turut diadakan pada tahun 2021.

6) **Industri Penjagaan Postnatal (Ibu Selepas Bersalin)**

- a. KPWKM sedang berusaha untuk memperbaiki taraf ekonomi serta kualiti kehidupan wanita pelbagai kategori dan dalam rangka membangunkan Industri Penjagaan Ibu Bersalin yang lebih komprehensif dan kompetitif. **Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare** merupakan satu Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Tradisional Melayu yang dipermodenkan.
- b. Ianya satu Inovasi Sosial yang diperkenalkan oleh KPWKM melalui agensinya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah berjaya mewujudkan profesion pekerjaan iaitu Pengamal Mamacare dimana seramai **1,431 telah dilatih** di seluruh negara sejak mula diperkenalkan pada tahun 2012.
- c. Program ini bukan sahaja telah melahirkan “golongan pekerja” malah **telah membuka peluang perniagaan dan usahawan dalam bidang SPA, perniagaan bahan dan keperluan penjagaan ibu selepas bersalin, bayi dan kecantikan.** Sebanyak **272 Pengamal Mamacare** yang memberi perkhidmatan melalui kedai SPA dan **895 Pengamal Mamacare** melalui perkhidmatan secara Mobile SPA.

7) **2 Years Exit Programme**

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Pelan Transformasi JKM telah memberi fokus dan penekanan kepada usaha ke arah pendayaupayaan klien khususnya penerima bantuan melalui pelaksanaan *productive welfare* dan program “*2 Years Exit Programme*” dibangunkan.
- b. Pendekatan “*Productive Welfare*” yang mula diperkenalkan pada 2010 adalah satu bentuk usaha yang mensasarkan penerima bantuan kebajikan supaya dapat terus hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan (*survival skills*) agar tidak selamanya bergantung kepada bantuan kerajaan buat selama-lamanya. Pendekatan ini sangat menekankan kepada pemerkasaan klien agar lebih bermotivasi memperolehi latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keupayaan mereka.

8) ***Flexible Working Arrangement***

Kementerian ini juga turut menyokong penuh pelaksanaan ***Flexible Working Arrangement*** dan penyediaan taska di tempat kerja untuk menggalakkan wanita bekerja dan pada masa yang sama mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif.

Sekian, terima kasih.